

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH GURU TAHAP SATU DI SEKOLAH DAERAH GOMBAK

SITI FAZLYANA BINTI MAT HUSIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN PENTAKSIRAN
BILIK DARJAH GURU TAHAP SATU DI SEKOLAH
DAERAH GOMBAK**

SITI FAZLYANA BINTI MAT HUSIN

**LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14 (hari bulan) JUN (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI FAZLYANA BINTI MAT HUSIN, M20181001017, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH GURU TAHAP SATU DI SEKOLAH DAERAH GOMBAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR NOR HASNIDA BINTI CHE MD GHAZALI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH GURU TAHAP SATU DI SEKOLAH DAERAH GOMBAK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENGUKURAN DAN PENILAIAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

14.06.2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRISINSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH
GURU TAHAP SATU DI SEKOLAH DAERAH GOMBAK

No. Matrik / Matric's No.: M20181001017

Saya / I: SITI FAZLYANA BINTI MAT HUSIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaklud dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh 14/6/2021

(Tandatangan Pengerusi/Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi/Name & Official Stamp)
DR. NOKIASNIDA CHE MD GHAZALI
Senior Lecturer
Department of Educational Studies
Faculty of Human Development
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction





PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan kurniaNya, saya telah dapat menyiapkan disertasi ini. Usaha ini mungkin sukar untuk sampai ke penghujungnya tanpa bantuan, sokongan, semangat dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat. Sepanjang perjalanan pengajian ini, saya amat bertuah kerana dipertemukan dengan insan-insan yang berhati mulia bermula dari saat melaporkan diri sehinggalah ke saat akhir menyerahkan disertasi.

Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr Nor Hasnida Binti Che Md Ghazali di atas tunjuk ajar dan segala keprihatinan beliau sepanjang perjalanan menyiapkan disertasi ini. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas segala jasa baik Dr dalam usaha membantu saya menamatkan pengajian sarjana ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS), Pejabat Pendidikan Daerah Gombak dan sekolah-sekolah di daerah Gombak yang telah memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini.

Akhir sekali penghargaan ini adalah kepada suami serta keluarga kedua-dua belah yang dikasihi, komitmen dan galakkan kalian semua adalah pencetus semangat dan kekuatan kepada saya untuk menghabiskan pengajian sarjana ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi panduan, perkongsian dan galakan sepanjang penulisan tesis ini. Semoga Allah S.W.T. merahmati dan memberkati hidup kita semua In Shaa Allah.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru di dalam bilik darjah. Faktor-faktor yang ingin dikenal pasti ialah konsepsi pentaksiran dan personaliti guru. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Seramai 330 orang guru tahap satu dipilih sebagai responden melalui persampelan rawak berkadar. Sebanyak 30 daripada 68 buah sekolah rendah daerah Gombak, Selangor dipilih melalui persampelan rawak mudah. Data dianalisis melalui statistik deskripsi dan inferens. Dapatan deskripsi menunjukkan bahawa 6 daripada 10 subkonstruk didapati berada pada tahap yang tinggi. Analisis korelasi pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, positif dan kuat antara konsepsi pentaksiran dengan amalan pentaksiran ($r=0.615, p=0.00$). Namun begitu, hubungan yang signifikan, positif dan sederhana berlaku di antara personaliti dengan amalan pentaksiran ($r=0.333, p=0.00$) dan personaliti dengan konsepsi pentaksiran ($r=0.334, p=0.00$). Analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa konsepsi pentaksiran dan personaliti mampu menjelaskan 39.7% variasi dari amalan pentaksiran ($R^2=0.397, F(2,327)=107.468, p=0.00$). Konsepsi pentaksiran mampu meramalkan amalan pentaksiran ($Beta=0.567, p=0.00$) dan personaliti juga mampu meramalkan amalan pentaksiran ($Beta=0.143, p=0.00$). Kesimpulannya konsepsi pentaksiran dan personaliti mempunyai pengaruh ke atas amalan pentaksiran, dan peramal terbaik bagi amalan pentaksiran adalah konsepsi pentaksiran. Implikasi kajian ini adalah diharap pihak KPM dapat memantapkan lagi pengetahuan guru tentang konsepsi pentaksiran iaitu tentang tujuan pentaksiran dengan menyediakan latihan atau kursus bersesuaian kerana ia memberi pengaruh yang besar ke atas amalan pentaksiran guru.

FACTORS INFLUENCING THE CLASSROOM ASSESSMENT PRACTICES OF LEVEL ONE TEACHERS IN THE SCHOOL OF GOMBAK DISTRICT

ABSTRACT

This study seeks to determine the factors that influence teachers' assessment practices in the classroom. The factors to be identified are assessment conception and personality. This study uses a quantitative approach that uses a questionnaire as an instrument. A total of 330 level one teachers were selected as respondents using proportionate random sampling. A total of 30 out of 68 primary schools in Gombak, Selangor were selected through simple random sampling. Data was analyzed using descriptive and inferential statistics. The descriptive findings indicated that 6 out of 10 subconstructs were at a high level. Pearson correlation analysis found that there was a significant, positive and strong correlation between assessment practices and conceptions of assessment ($r=0.615, p=0.00$). However, a significant, positive, and moderate relationship applies between personality and assessment practices ($r=0.333, p=0.00$) and personality and conceptions of assessment ($r=0.334, p=0.00$). Multiple regression analysis showed that the conceptions of assessment and personality explained 39.7% of the variation of assessment practices ($R^2=0.397, F(2,327)=107.468, p=0.00$). The conceptions of assessment predicted assessment practices (Beta=0.567, $p=0.00$) and personality predicted assessment practices (Beta=0.143, $p=0.00$). In conclusion, the conceptions of assessment and personality have an influence on assessment practices, and the best predictor of assessment practices is the conception of assessment. The implication of this study is that the MOE is hoped to further strengthen teachers' knowledge on the conception of assessment especially regarding the purpose of assessment by providing appropriate training or courses as it has a great influence on teacher practices.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

ISI KANDUNGAN	vii
----------------------	-----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xvi
--------------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	xvii
-------------------------	------

BAB 1	Pengenalan	1
--------------	-------------------	---

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	2
-----	-----------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	5
-----	--------------------	---

1.4	Objektif Kajian	9
-----	-----------------	---

1.5	Persoalan Kajian	10
-----	------------------	----



1.6	Hipotesis Kajian	11
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.8	Kepentingan Kajian	17
1.9	Batasan Kajian	18
1.10	Definisi Operasional	19
1.11	Rumusan	23

BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	25
--------------	---------------------------	----

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Pentaksiran	25
2.2.1	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	29
2.2.2	Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	31
2.2.2.1	Pentaksiran untuk Pembelajaran	32
2.2.2.2	Pentaksiran sebagai Pembelajaran	33
2.2.2.3	Pentaksiran tentang Pembelajaran	33
2.2.3	PBD Dalam Konteks Pendidikan Malaysia	34
2.2.3.1	Pelaksanaan PBD	35
2.2.3.2	Penentu Kualiti Dalam PBD	39
2.3	Konsepsi Pentaksiran	40
2.3.1	Akauntabiliti Sekolah	41
2.3.2	Akauntabiliti Pelajar	42
2.3.3	Penambahbaikan Pendidikan	42
2.4	Amalan Pentaksiran	43

2.4.1	Perancangan Pentaksiran	45
2.4.2	Penyediaan Item Pentaksiran	46
2.4.3	Pentadbiran Pentaksiran dan Penskoran	46
2.4.4	Laporan Skor dan Pengreddan	47
2.4.5	Penggunaan dan Penilaian Data	48
2.5	Personaliti	48
2.6	Teori dan Model yang mendasari kajian	51
2.6.1	Teori Kognitif Sosial	52
2.6.2	Model Iceberg	55
2.7	Kajian-kajian Lepas	58
2.8	Rumusan	60

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	64
3.3.1	Kaedah persampelan	65
3.3.1.1	Persampelan Sekolah	66
3.3.1.2	Persampelan Guru	67
3.4	Instrumen	69
3.5	Kajian Rintis	71
3.5.1	Kesahan	72
3.5.1.1	Kesahan Muka	73

3.5.1.2	Kesahan Kandungan	74
3.5.1.3	Kesahan Konstruk	75
3.5.2	Kebolehpercayaan	76
3.5.3	Dapatan Kajian Rintis	77
3.5.3.1	Ujian Kenormalan	77
3.5.3.2	Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	80
3.5.3.3	Kebolehpercayaan	87
3.6	Tatacara Pengumpulan Data Kajian	88
3.7	Kaedah Analisis Data	89
3.8	Rumusan	91

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

92

4.1	Pendahuluan	92
4.2	Analisis Profil Responden	93
4.3	Analisis Persoalan Kajian	94
4.4	Andaian Regresi Berganda	113
4.5	Rumusan	122

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

123

5.1	Pendahuluan	123
5.2	Ringkasan Kajian	123
5.3	Perbincangan	125
5.4	Implikasi Kajian	136
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	138

5.6 Rumusan	139
-------------	-----

RUJUKAN	141
----------------	-----

LAMPIRAN	159
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Ranking Pencapaian Linus daerah Gombak	65
3.2	Jumlah Populasi dan Sampel	67
3.3	Sub sampel bagi setiap sekolah	68
3.4	Taburan Item Soal Selidik	70
3.5	Skala Likert 5 Mata	71
3.6	Nilai Pekali alfa (α)	77
3.7	Pekali Skewness dan Kurtosis	78
3.8	Indeks Kebagusan (Indeks Goodness-Of-Fit) untuk Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	81
3.9	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan Bartlett's Test terhadap Amalan Pentaksiran	82
3.10	Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Amalan Pentaksiran	82
3.11	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan Bartlett's Test terhadap Konsep Pentaksiran	84
3.12	Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Konsep Pentaksiran	84
3.13	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan Bartlett's Test terhadap Personaliti	85

3.14	Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Personaliti	86
3.15	Keseluruhan Keputusan EFA	86
3.16	Nilai pekali alpha	87
3.17	Ringkasan Penganalisisan Data Soal Selidik	89
3.18	interpretasi skor min Zulkifli (2012)	91
3.19	Kekuatan hubungan berasaskan skala Cohen, Manion dan Marrison (2011)	91
4.1	Pecahan bilangan responden mengikut jantina	93
4.2	Pecahan bilangan responden mengikut bangsa	93
4.3	Tahap amalan pentaksiran guru dalam perancangan pentaksiran	94
4.4	Tahap amalan pentaksiran guru dalam penyediaan item pentaksiran	97
4.5	Tahap amalan pentaksiran guru dalam pentadbiran pentaksiran dan penskoran	101
4.6	Tahap amalan pentaksiran guru dalam laporan skor dan penggredan	103
4.7	Tahap amalan pentaksiran guru dalam penggunaan dan penilaian data	104
4.8	Tahap konsepsi pentaksiran guru dalam akauntabiliti sekolah	106
4.9	Tahap konsepsi pentaksiran guru dalam akauntabiliti pelajar	107
4.10	Tahap konsepsi pentaksiran guru dalam penambahbaikan pendidikan	108

4.11	Tahap personaliti guru terhadap kesedaran	111
4.12	Tahap personaliti guru terhadap ekstrasversi	112
4.13	Korelasi Pearson antara konsepsi pentaksiran dengan amalan pentaksiran	117
4.14	Korelasi Pearson antara personaliti dengan amalan pentaksiran	118
4.15	Korelasi Pearson antara personaliti dengan konsepsi pentaksiran	118
4.16	Pengaruh konsepsi pentaksiran dan personaliti ke atas amalan pentaksiran guru.	119
4.17	Peramal terbaik untuk amalan pentaksiran guru	120
4.18	Ringkasan dapatan kajian	121
4.19	Ringkasan dapatan hipotesis kajian	121



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Teori Kognitif Sosial	13
1.2	Model Iceberg	14
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1	Hubungan Guru/Pengajar dalam Proses PdP	27
2.2	komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	30
2.3	Pentaksiran Formatif dan Sumatif	32
2.4	Carta Alir Pelaksanaan PBD	37
2.5	Teori Kognitif Sosial	52
2.6	Model Iceberg	55



SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
SPSS	Statistical Package for Sosial Science
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI LAMPIRAN

A Soal Selidik Guru

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam dunia pendidikan, dasar pendidikan sering berubah selaras dengan perkembangan dan kemajuan teknologi pada masa kini. Sistem pendidikan di Malaysia juga tidak ketinggalan dalam melakukan perubahan dalam usaha untuk memenuhi keperluan pendidikan negara dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan global masa kini. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan pelbagai usaha untuk melahirkan modal insan guru yang berkualiti. Ini bertujuan untuk memastikan ilmu serta kemahiran yang dimiliki oleh guru dapat digunakan sebaiknya bagi melahirkan murid yang berilmu dan bertamadun.

Salah satu usaha kerajaan adalah dengan memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) iaitu pada tahun 2011. PBS memberi penekanan terhadap penguasaan dari segi ilmu pengetahuan, modal intelektual, pembudayaan sikap progresif dan pengamalan nilai, etika dan moral yang tinggi (Aniza & Zamri,



2015). Sistem pendidikan dalam Negara yang dahulunya adalah lebih kearah peperiksaan yang telah di anggap kurang efektif dari segi untuk menilai murid secara holistik dan menyeluruh (Yusof Boon, 2011). Perubahan sistem pentaksiran ini memberi impak kepada pendekatan yang baharu di mana membolehkan potensi murid dapat di ukur secara menyeluruh di samping dapat menentukan tahap keberkesanan pengajaran guru dan pembelajaran murid (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012).

Pentaksiran Sekolah (PS) merupakan salah satu komponen penilaian di dalam sistem PBS dan pada tahun 2016, PS mula dikenali sebagai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD merupakan satu pentaksiran yang berterusan dalam sesi PdP yang bersifat autentik dan holistik untuk meningkatkan lagi pembelajaran murid dengan memberi penekanan utama kepada pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran serta bukan lagi berpanduan kepada peperiksaan. Tujuan utama pentaksiran dalam bilik darjah adalah untuk memperoleh maklumat tentang kemajuan dan pencapaian seseorang murid (Abu Bakar Nordin, 1986; Airasian, 2001; Desforjes, 1989; Jacobs & Chase, 1992; McMillan, 2008).

1.2 Latar Belakang Kajian

Perubahan yang berlaku terhadap sistem pentaksiran di Malaysia adalah untuk memastikan ianya sentiasa kekal relevan agar penilaian dapat mentafsir secara menyeluruh tentang pencapaian murid. Pentaksiran merupakan satu proses pengumpulan maklumat tentang perkembangan dan kemajuan murid oleh guru dengan menggunakan pelbagai kaedah. Kaedah yang biasa dilakukan oleh guru adalah seperti





menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menginterpretasi maklumat tentang pembelajaran murid. Pentaksiran merupakan satu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlaku di dalam bilik darjah. Melalui pentaksiran ini, guru dapat mengumpul dan menganalisis maklumat serta membuat refleksi terhadap PdP bagi menambah baik di masa akan datang.

PBD merangkumi pentaksiran formatif dan sumatif. Namun dalam pelaksanaan PBD, pentaksiran formatif telah ditekankan bagi meningkatkan pembelajaran murid. Oleh itu, PBD lebih menekankan pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran. Dimana ianya dijalankan secara berterusan dalam PdP supaya aspek pengukuran pelajar dapat diukur secara menyeluruh dan dapat memberi maklumat hasil pentaksiran kepada murid. Pada masa yang sama, PBD turut memberi maklumat kepada guru terhadap kualiti pengajarannya supaya dapat membantu memperbaiki proses PdP di masa akan datang (Hall & Burke, 2003).

KPM telah mengeluarkan garis panduan pelaksanaan PBD bagi membantu guru-guru dan pihak sekolah dalam melaksanakan pentaksiran untuk memperoleh maklum balas berkaitan perkembangan pembelajaran murid dan keberkesanan pengajaran guru. Maklumat daripada hasil pentaksiran akan digunakan oleh guru-guru dan pihak sekolah untuk merancang tindakan susulan sama ada semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau selepas PdP. Melalui panduan ini guru akan didedahkan mengenai konsep, tujuan, ciri-ciri, kaedah, aspek yang ditaksir, pertimbangan profesional, dan keperluan melaksanakan PBD serta cara mengaplikasikannya di dalam bilik darjah.





Dalam usaha penambahbaikan silibus Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah melalui beberapa penambahbaikan terhadap pelaksanaan PBD iaitu untuk menangani pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan PBD (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a) dan sebagai bentuk penilaian murid setelah memansuhkan peperiksaan dwitahunan bagi murid-murid tahap satu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Murid-murid tahap satu akan ditaksir sepenuhnya oleh guru dengan berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan garis panduan pelaksanaan PBD tahap 1 yang dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Peranan guru dalam amalan pentaksiran ini merangkumi semua peringkat iaitu bermula dari merancang, melaksana, mentaksir, menilai, melapor dan membuat tindakan susulan.



Guru memainkan peranan penting dalam menentukan objektif pembelajaran, merancang dan membina instrumen pentaksiran, melaksanakan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis maklumat pentaksiran, melapor dan membuat tindakan susulan. Oleh itu, bagi meningkatkan keberkesanan dalam PdP, guru perlu mempelbagaikan amalan pentaksiran seperti memberi kuiz, ujian, kerja kursus atau laporan kepada murid. Namun begitu Barksdale-Ladd dan Thomas (2000) telah mencadangkan enam amalan pentaksiran yang terdiri daripada; 1) menyediakan maklum balas untuk membantu murid; 2) meletakkan sebahagian hasil kerja murid ke dalam fortfolio; 3) melakukan pentaksiran yang fleksibel dan berpandukan kurikulum; 4) memastikan pentaksiran boleh membantu memperbaiki pengajaran guru; 5) pentaksiran yang berterusan dan; 6) mempelbagaikan kaedah pentaksiran.





Dalam melaksanakan pentaksiran, personaliti guru dapat dilihat melalui tingkah lakunya seperti bertatertib, adil, tegas, mesra, pandai mengurus masa, mengajar dengan penuh dedikasi, bekerjasama dan bersikap positif (Md. Nasir Masran, 2000). Guru yang memiliki personaliti yang baik mampu membantu pembelajaran murid, iaitu dengan menggunakan pentaksiran yang sesuai mengikut perkembangan murid. Ianya akan memudahkan guru untuk memahami murid serta dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran guru di masa akan datang. Justeru personaliti yang baik perlu diserap oleh setiap guru di setiap sekolah bagi mewujudkan iklim pendidikan yang mampu mencapai kecemerlangan pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah



PBD adalah sebahagian daripada proses pembelajaran di mana guru akan membuat penilaian terhadap murid secara berterusan semasa PdP untuk memperoleh maklumat hasil dari pembelajaran murid. Guru dipertanggungjawab untuk melaksanakan PBD supaya proses PdP yang dijalankan dapat memberi kesan kepada murid. Justeru guru harus mempunyai kefahaman, kemahiran serta latihan yang cukup untuk mempelbagaikan aktiviti pentaksiran supaya guru mempunyai kesahan dan kebolehan yang tinggi. Menurut Noraini (2005), maklumat hasil dari pembelajaran murid seperti apa yang mereka faham adalah amat penting kerana setiap murid mempunyai perbezaan dari segi tahap penguasaan mereka. Maka guru perlu membantu murid untuk menguasai apa yang telah diajar dengan menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran yang bersesuaian dengan murid sama ada melalui pemerhatian, perbincangan atau menyemak hasil kerja murid (Black & William, 1998).



Pelaksanaan PBD telah memberi kesan kepada guru, dimana guru-guru mula memberi rungutan terhadap amalan PBD yang memfokuskan pentaksiran formatif yang dijalankan secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini kerana, guru merasa kurang yakin untuk melaksanakan PBD dalam PdP berbanding pentaksiran sebelum ini yang berorientasikan peperiksaan. Menurut Kapambwe (2010), amalan pentaksiran formatif dalam kalangan guru masih lemah kerana guru tidak dapat mengintegrasikan PBD dalam proses PdP kerana guru merasakan PBD adalah sesuatu yang terasing atau terpisah dari amalan PdP sebelum ini.

Menurut Graham, Hebert dan haris (2015), guru-guru masih memerlukan latihan untuk melaksanakan PBD agar guru dapat mengintegrasikan PBD kedalam PdP. Perkara ini disokong oleh Abdul Zubir (2007) yang menyatakan guru tidak diberi latihan yang bersesuaian untuk menjalankan pentaksiran dan hampir separuh di kalangan guru-guru tidak pernah menerima latihan atau pendedahan secara formal. Selain itu, Follmer dan Stefanou (2014) menyarankan agar guru menggunakan pelbagai teknik PdP ketika melaksanakan PBD untuk membolehkan guru memperoleh maklumat berkaitan status kefahaman, kemahiran dan pengetahuan murid.

Dalam kajian Suah dan Ong (2012), beliau menyatakan bahawa guru-guru telah diberikan dengan pelbagai kursus dalam aspek pentaksiran, namun begitu tahap amalan pentaksiran guru-guru dianggap masih kurang memuaskan. Pernyataan ini turut disokong oleh Looi-Chin dan Soubakeavathi (2013) dengan menyatakan kebanyakan guru-guru tidak mematuhi prosedur amalan pentaksiran. Dimana guru- guru melaksanakan pentaksiran sekadar untuk mematuhi arahan dari pihak atasan (Looi-Chin & Soubakeavathi, 2013). Dapatan kajian-kajian ini menggambarkan guru- guru bukan sahaja bermasalah dalam aspek pengetahuan dan kemahiran pentaksiran, bahkan



juga dalam aspek yang berkait dengan personaliti dalam menjalankan tugas (Alkharusi, 2011; Brynt & Barnes, 1997).

Meskipun amalan pentaksiran ini penting kerana dapat melihat prestasi murid secara menyeluruh namun begitu terdapat beberapa isu dan cabaran yang timbul. Antaranya amalan pentaksiran guru yang bersifat bias dalam memberi penilaian kepada murid dan tidak amanah dalam melaksanakan pentaksiran dapat menyumbang kepada pelaporan yang tidak tepat (Ali & Veloo, 2017). Beliau menegaskan ini kerana guru sepenuhnya yang mengawal dan membuat keputusan dari peringkat perancangan hingga ke peringkat penilaian terhadap murid. Selain itu, terdapat guru yang melaksanakan pentaksiran secara selektif, iaitu melaksanakan aspek yang dipersetujui sahaja dan tidak melaksanakan aspek lain yang dianggap tidak sesuai (Hussein, 2014).



Selain itu, terdapat sebilangan guru menyuarakan kerisauan dengan merasakan pentaksiran sesuatu perkara yang mustahil untuk dilaksanakan dan ada juga tidak mahu menerapkan amalan pentaksiran di dalam proses PdP (Gonzales, 2012). Hal ini kerana, untuk memperoleh segala maklumat tentang kemajuan dan pencapaian seseorang murid, guru merasa terbeban kerana perlu melakukan pelbagai kaedah pentaksiran di dalam bilik darjah. Pernyataan ini disokong oleh Retnawati, Hadi & Nugraha (2016) yang menyatakan guru-guru hanya menggunakan teknik soal jawab sebagai salah satu teknik pengajaran dan bukannya sebagai teknik PBD. Disebabkan itu, guru tidak dapat mengumpulkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk melakukan penambahbaikan dalam proses PdP sekaligus menyebabkan matlamat PBD tidak dapat dicapai.





Keputusan kerajaan memansuhkan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun pada 2019 memberi kesan kepada budaya pendidikan di Malaysia yang sememangnya berorientasikan peperiksaan (Noorzeliana Idris, 2016). Hal ini kerana guru sudah terbiasa menggunakan kaedah pentaksiran tradisional dalam amalan pentaksiran bilik darjah (Acar-Erdol & Yildizli, 2018). Dalam kajian Hussein (2014) menunjukkan selepas pelaksanaan PBS, terdapat ramai pihak tidak bersetuju untuk menghentikan peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun. Sehubungan itu, guru-guru didapati telah menjalankan kedua-dua bentuk penilaian peperiksaan dan juga PBS menyebabkan berlakunya pertambahan beban tugas guru sekaligus bercanggah dengan objektif awal KSSR.

Berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian tempatan, penyelidik mendapati kajian terhadap amalan pentaksiran guru-guru sebelum ini lebih fokus kepada permasalahan yang dihadapi serta kesediaan guru terhadap amalan pentaksiran. Oleh itu penyelidik terpanggil untuk meneliti faktor dalaman dari segi amalan pentaksiran, konsepsi pentaksiran dan personaliti guru terhadap PBD setelah peperiksaan dwitahunan bagi murid-murid tahap satu dimansuhkan sepenuhnya secara rasmi pada tahun 2019. Selain itu penyelidik ingin melihat hubungan diantara setiap pembolehubah serta pengaruh dan peramal terbaik terhadap amalan pentaksiran guru. Justeru, penyelidik berharap kajian ini boleh dijadikan panduan untuk membantu memperkukuhkan lagi kualiti amalan pentaksiran dalam kalangan guru-guru tahap satu.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru di dalam bilik darjah. Objektif dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

1. Mengenal pasti tahap amalan pentaksiran guru dalam:-
 - a) Perancangan pentaksiran
 - b) Penyediaan item pentaksiran
 - c) Pentadbiran pentaksiran dan penskoran
 - d) Laporan skor dan pengredan
 - e) Penggunaan dan penilaian data
2. Mengenal pasti tahap konsepsi pentaksiran guru dalam:-
 - a) Akauntabiliti sekolah
 - b) Akauntabiliti pelajar
 - c) Penambahbaikan pendidikan
3. Mengenal pasti tahap personaliti guru terhadap:-
 - a) Kesedaran
 - b) Ekstraversi
4. Mengenal pasti hubungan antara:-
 - a) Konsepsi pentaksiran dengan amalan pentaksiran guru
 - b) Personaliti dengan amalan pentaksiran guru
 - c) Personaliti dengan konsepsi pentaksiran guru
5. Mengenal pasti sejauh mana pengaruh konsepsi pentaksiran dan personaliti terhadap amalan pentaksiran.

6. Mengenal pasti peramal terbaik antara konsepsi pentaksiran dan personaliti terhadap amalan pentaksiran.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berdasarkan objektif kajian, maka beberapa persoalan kajian dibina seperti berikut:

1. Apakah tahap amalan pentaksiran guru dalam:-
 - a. Perancangan pentaksiran?
 - b. Penyediaan item pentaksiran?
 - c. Pentadbiran pentaksiran & penskoran?
 - d. Laporan skor dan penggredan?
 - e. Penggunaan dan penilaian data?
2. Apakah tahap konsepsi pentaksiran guru dalam:-
 - a. Akauntabiliti sekolah?
 - b. Akauntabiliti pelajar?
 - c. Penambahbaikan pendidikan?
3. Apakah tahap personaliti guru terhadap:-
 - a. Kesedaran?
 - b. Ekstraversi?
4. Adakah terdapat hubungan antara:-
 - a. Konsepsi pentaksiran dengan amalan pentaksiran guru?
 - b. Personaliti dengan amalan pentaksiran guru?
 - c. Personaliti dengan konsepsi pentaksiran guru?

5. Sejauh manakah konsepsi pentaksiran dan personaliti mempengaruhi amalan pentaksiran guru?
6. Yang manakah diantara konsepsi pentaksiran dan personaliti merupakan peramal terbaik untuk amalan pentaksiran guru?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penyelidik telah mengemukakan beberapa hipotesis kajian. Persoalan kajian pertama, kedua dan ketiga dijawab menggunakan statistik deskriptif, jadi hipotesis tidak diperlukan. Untuk menjawab persoalan kajian keempat, kelima dan keenam dikemukakan hipotesis-hipotesis seperti berikut:-

1. Ha1 : Terdapat hubungan di antara konsepsi pentaksiran dengan amalan pentaksiran guru.
2. Ha2 : Terdapat hubungan di antara personaliti dengan amalan pentaksiran guru.
3. Ha3 : Terdapat hubungan di antara personaliti dengan konsepsi pentaksiran guru.
4. Ha4 : Konsepsi pentaksiran dan personaliti mempunyai pengaruh ke atas amalan pentaksiran guru.
5. Ha5 : Terdapat peramal yang terbaik antara konsepsi pentaksiran dan personaliti untuk amalan pentaksiran guru.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konseptual kajian yang digunakan untuk kajian ini adalah merupakan gabungan Teori Kognitif Sosial Bandura (1986) dan Model Iceberg Spencer & Spencer (1993) yang menjadi rujukan pengkaji dalam pembinaan teori konseptual.

Teori Kognitif Sosial Bandura (1986) memaparkan hubungan antara personal, tingkah laku dan persekitaran seperti pada Rajah 1.1. Namun bagi memenuhi konteks kajian penyelidikan ini, penyelidik hanya mengfokuskan kepada faktor personal dan tingkah laku. Dimana konsepsi pentaksiran mewakili aspek personal dan amalan pentaksiran mewakili aspek tingkah laku.



pentaksiran mendapati bahawa konsepsi pentaksiran guru sama ada negatif atau positif akan mempengaruhi amalan guru tersebut di dalam tindakannya. Hal ini kerana, sekiranya tujuan sesuatu pentaksiran dijalankan oleh guru itu telah dikenal pasti terlebih dahulu, maka ia akan mencetuskan keinginan serta kemahuan untuk guru tersebut menterjemahkannya di dalam bentuk tingkah laku. (Ajzen, 2005; Ajzen & Fishbein, 1975). Oleh demikian, sekiranya pemahaman guru terhadap konsep pentaksiran itu betul maka secara tidak langsung amalan pentaksirannya mungkin juga betul dan akan memberi kesan positif kepada proses PdP di bilik darjah, dan begitulah juga sebaliknya.






Sumber: Bandura (1986)

Rajah 1.1. Teori Kognitif Sosial

Model Iceberg yang diperkenalkan oleh Hay McBer (1996) mengandungi tiga komponen utama merangkumi pengetahuan, kemahiran dan personaliti yang digambarkan sebagai sebuah bungkah ais di lautan. Model ini menggambarkan bahawa kompetensi merupakan iceberg yang di atasnya menunjukkan pengetahuan dan kemahiran manakala bahagian bawahnya terdiri dari komponen personaliti seperti digambarkan dalam Rajah 1.2. Model Iceberg ini juga bertepatan dengan model yang digunakan oleh Syed Jaafar Syed Ali (2014) yang juga merujuk kepada teori Spencer dan Spencer (1993) menyatakan bahawa kompetensi guru dikategorikan kepada dua iaitu yang mudah dilihat dan yang tersembunyi. Bagi bahagian yang mudah dilihat ialah pengetahuan dan kemahiran, manakala bahagian yang tersembunyi ialah personaliti atau nilai dalam diri seseorang guru. Dalam kajian ini, hanya komponen personaliti akan digunakan sebagai landasan dalam kajian.

Personaliti guru adalah cenderung kepada suatu kebolehan yang tersembunyi dan merupakan tingkah laku yang sukar dilihat secara zahir. Dikatakan personaliti yang baik mempunyai hubungan dengan pembentukan tingkahlaku. Misalnya menurut Syed Mustapa dan Miskon (2010), personaliti yang positif mampu menghasilkan amalan PdP

lebih berkesan (Syed Mustapa & Miskon, 2010). Oleh itu tahap personaliti guru amat penting untuk dikenalpasti dalam kajian ini dalam memastikan guru dapat melaksanakan tugas dengan berkesan terutamanya yang melibatkan amalan pentaksiran semasa proses PdP.



Sumber: Spencer dan Spencer (1993)
Rajah 1.2. Model Iceberg

Dalam aspek konsepsi pentaksiran, penyelidik telah memilih saranan teori kognitif sosial dengan menyatakan konsepsi pentaksiran ini merangkumi tiga subkonstruk iaitu akauntabiliti sekolah, akauntabiliti pelajar dan penambahbaikan dalam pendidikan (Brown, 2002). Sebagai contoh untuk aspek penambahbaikan dalam pendidikan, ianya merujuk kepada mengenalpasti kebolehan pelajar, meningkatkan pembelajaran pelajar, meningkatkan pengajaran guru, serta hasil keputusan pentaksiran adalah sah. Berdasarkan kajian Brown (2009), tahap konsepsi pentaksiran guru akan mempengaruhi tingkah laku seseorang guru dan secara tidak langsung dapat menggambarkan bahawa terdapat perkaitan di antara konsepsi pentaksiran dan amalan pentaksiran.



Personaliti dalam model iceberg menunjukkan berada di bahagian bawah permukaan paras air yang menggambarkan sesuatu keadaan yang sukar untuk dilihat dan dikenal pasti. Bagi konstruk personaliti akan di ukur menggunakan teori Big Five Inventory yang mengandungi lima faktor iaitu keterbukaan, kesedaran, ekstrasversi, kepersetujuan dan kestabilan emosi. Dari lima faktor ini, hanya aspek kesedaran dan ekstrasversi yang ingin di ukur kerana aspek ini berkait rapat dengan prestasi kerja atau amalan seseorang secara menyeluruh (Barrick & Mount, 1991). Justeru, dalam model iceberg akan menerangkan dua subkonstruk untuk personaliti iaitu kesedaran dan ekstrasversi. Dalam konteks kajian ini, kesedaran merujuk kepada kesungguhan seseorang guru dalam melaksanakan pentaksiran agar dapat mencapai objektif pembelajaran, manakala ekstrasversi adalah sifat positif yang ada dalam diri seseorang guru ketika menjalankan tugas. Maka, kedua-dua aspek ini dipilih kerana ianya dapat mencerminkan amalan pentaksiran guru di dalam bilik darjah.




Manakala, amalan pentaksiran dikategorikan kepada lima subkonstruk iaitu perancangan pentaksiran, penyediaan item pentaksiran, pentadbiran pentaksiran dan perskoran, laporan skor dan penggredan, dan penggunaan dan penilaian data. Menurut Samuelowicz (1999), amalan pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pencapaian murid. Namun Chang (1988) menyatakan bahawa amalan pentaksiran yang menjadi kebiasaan guru adalah melakukan pentadbiran ujian. Dimana amalan seperti merancang, membina, menganalisis dan melapor didapati kurang memuaskan.

Oleh kerana masih belum terdapat model khusus untuk digunakan dalam kajian ini, maka pembinaan kerangka konseptual kajian ini adalah berdasarkan Teori Kognitif Sosial Bandura (1986) dan model Iceberg yang telah diubahsuai mengikut konteks



kajian ini. Kerangka Teori Kognitif Sosial menunjukkan akauntabiliti sekolah, akauntabiliti pelajar dan penambahbaikan dalam pendidikan mempunyai pengaruh secara langsung kepada amalan pentaksiran guru. Seterusnya, kerangka model Iceberg menunjukkan personaliti atau sifat seseorang guru boleh menjelaskan dan meramalkan tingkah laku mereka pada masa hadapan (Fishbein & Ajzen, 1975).

Kerangka konseptual kajian ini digambarkan melalui Rajah 1.3. Fokus utama kajian ini adalah untuk menilai amalan pentaksiran bilik darjah guru tahap satu di sekolah daerah Gombak serta perhubungan di antara setiap konstruk kajian.



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat yang menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu konsepsi pentaksiran, amalan pentaksiran, dan personaliti guru. Hasil kajian yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan dan seterusnya dapat memberi input kepada pihak-pihak berautoriti untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang sedia ada.

Kepentingan kajian ini kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) diharap dapat membantu dan memberi manfaat kepada pihak JPN untuk merancang dan menambahbaik latihan dan kursus dalam perkhidmatan yang bersesuaian kepada guru-guru tahap satu supaya dapat meningkatkan kemahiran mereka melakukan pentaksiran.

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) juga boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai rujukan untuk memastikan proses pentaksiran yang berlaku bertepatan dengan kehendak perkembangan pendidikan berdasarkan PPPM (2013-2025).

Dapatan yang diperoleh hasil daripada kajian ini juga diharap dapat memberi maklum balas kepada guru-guru tahap satu untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam pentaksiran supaya dapat mengamalkan amalan pentaksiran yang lebih tepat di masa akan datang. Di samping itu, guru juga dapat membuat refleksi diri dan seterusnya mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan bagi memastikan amalan pentaksiran mereka berada pada landasan yang tepat selaras dengan garis panduan PBD yang telah ditetapkan.





Seterusnya, kajian ini diharap dapat memberi kesedaran terutamanya pihak sekolah tentang kepentingan amalan pentaksiran yang baik dikalangan guru-guru bagi memastikan setiap data yang diperoleh hasil daripada pentaksiran itu dapat diguna pakai dengan sebaiknya untuk melihat pencapaian prestasi sekolah.

1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pentaksiran guru-guru tahap satu di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, penyelidik telah membataskan kajian dengan hanya mengfokuskan guru-guru tahap satu yang mengajar di sekolah-sekolah daerah Gombak. Batasan ini wujud apabila guru sebagai pelaksana PBD hanya tahu tentang teori PBD dan seterusnya menjawab soalan yang dikemukakan itu berdasarkan pengetahuan mereka dan bukanlah berdasarkan konsep atau amalan pentaksiran yang sebenar.

Selain itu, batasan dalam kajian ini juga adalah kebarangkalian guru memberikan jawapan yang positif melalui soal selidik. Hal ini kerana guru berasa bimbang sekiranya jawapan yang diberikan berbentuk negatif akan memberi kesan yang negatif pada pandangan orang luar terhadap guru dan prestasi sekolah tersebut. Seterusnya batasan dalam kajian ini adalah tempoh masa kajian dijalankan iaitu selepas setahun pelaksanaan PBD secara menyeluruh bagi murid tahap satu setelah pemansuhan peperiksaan dwitahunan. Tempoh yang singkat ini mungkin akan menunjukkan terdapat kekeliruan dikalangan responden terhadap kehendak transformasi dalam dasar pendidikan negara.



1.10 Definisi Operasional

Didalam kajian ini terdapat beberapa istilah khusus yang digunakan oleh penyelidik sepanjang penulisan laporan ini yang memerlukan penjelasan secara operasi mengikut konteks kajian yang dijalankan. Definisi operasi merujuk kepada takrifan sesuatu konsep agar ia tidak menimbulkan salah faham mengenai maksud istilah yg digunakan semasa kajian ini dijalankan serta untuk membantu pembaca memahami konteks kajian yang dimaksudkan oleh penyelidik. Berikut merupakan perincian secara jelas mengenai konsep-konsep yang akan digunakan dalam kajian ini:

i) PBD

PBD merupakan pentaksiran yang dijalankan secara berterusan dalam sesi PdP bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan serta pencapaian murid (Jacob & Parkinson, 2015). PBD merupakan satu konsep pentaksiran yang mengutamakan pentaksiran formatif dimana pendekatan utama dalam PBD itu sendiri ialah pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran, berbanding pentaksiran sumatif yang menggunakan pendekatan pentaksiran tentang pembelajaran.

ii) Amalan Pentaksiran

Menurut Gonzales (2012), amalan pentaksiran adalah merujuk kepada aktiviti yang dijalankan oleh guru di dalam bilik darjah bermula daripada perancangan pentaksiran sehingga ke penilaian hasil dapatan. Amalan pentaksiran merupakan proses penting dalam PdP untuk mengumpul maklumat bagi mengetahui tahap perkembangan pembelajaran murid dan pengajaran guru (Angelo, 2001). Dalam konteks kajian ini,



amalan pentaksiran yang dilakukan oleh guru adalah melibatkan aktiviti guru dalam merancang pentaksiran yang berkesan, menyediakan item pentaksiran, mentadbir pentaksiran untuk menilai kebolehan murid, melapor pencapaian murid, dan mengambil tindakan susulan dan merumuskan hasil dapatan pada keseluruhan aspek perkembangan murid. Berikut adalah penerangan secara ringkas bagi setiap subkonstruk dalam amalan pentaksiran:

iii) Perancangan pentaksiran

Merupakan satu keperluan asas yang dilakukan oleh guru sebelum melaksanakan pentaksiran agar pentaksiran yang dirancang selaras dengan objektif pembelajaran yang hendak dicapai (Angelo, 2001; Biggs, 1995; Stiggins, 2008). Dalam konteks kajian ini perancangan pentaksiran meliputi kefahaman asas guru sebelum merancang pentaksiran meliputi menetapkan objektif pembelajaran dengan merujuk kurikulum serta menetapkan strategi pentaksiran.

iv) Penyediaan item pentaksiran

Guru perlu menyediakan item pentaksiran berdasarkan garis panduan yang ditetapkan semasa menjalankan ujian bilik darjah (Airasian, 1997; Robinson-Karpius, 2006; Stiggins, 1999). Dalam konteks kajian ini, penyediaan item pentaksiran merujuk kepada guru memastikan setiap item ujian mempunyai arahan yang jelas, ruang jawapan disediakan bersesuaian, masa menjawab yang mencukupi dan menyediakan pelbagai jenis soalan dalam satu ujian.

v) Pentadbiran pentaksiran dan penskoran

Pentadbiran pentaksiran merujuk kepada ciri-ciri penyediaan item ujian yang baik manakala penskoran adalah pemarkahan rubrik yang biasa digunakan oleh guru.



Menurut Jones dan Tanner (2008), McMillan (2004) & Robinson-Karpius (2006), amalan ini penting untuk memastikan pentaksiran di dalam bilik darjah dapat dilaksanakan dengan baik.

vi) Laporan skor dan pengreddan

Amalan ini merangkumi maklum balas yang diberikan oleh guru kepada pelajar dan ibu bapa setelah memperoleh hasil pentaksiran sama ada ianya pentaksiran formatif ataupun sumatif (Boston, 2002; Cizek, Fitzgerald, Shawn & Rachor, 1995). Berdasarkan hasil pentaksiran yang diperoleh, guru akan melaporkan pencapaian atau gred setiap pelajar kepada ibu bapa masing-masing dan juga kepada pentadbir sekolah (Stake, 2004).

vii) Penggunaan dan penilaian data

Hasil pentaksiran sangat penting untuk guru mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran murid. Dimana guru boleh membuat analisis terhadap data yang diperoleh dan memberi maklum balas kepada murid tentang hasil pentaksiran tersebut supaya mereka tahu kebolehan dan kelemahan sendiri untuk melakukan penambahbaikan pada masa akan datang.

viii) Konsepsi pentaksiran

Istilah konsepsi diperkenalkan oleh Thompson (1992) yang merujuk kepada struktur mental yang merangkumi kepercayaan, konsep, makna, peraturan, cadangan, kesukaan dan minat seseorang terhadap sesuatu perkara. Guru mempunyai pelbagai pandangan terhadap pentaksiran meliputi kefahaman dan kepercayaan seseorang dalam membentuk konsep sendiri yang mungkin akan mempengaruhi amalan dalam pentaksiran (Brown, 2002). Dalam kajian ini, konsepsi pentaksiran guru merujuk



kepada pandangan dan kepercayaan guru tentang tujuan pentaksiran di dalam bilik darjah dalam akauntabiliti sekolah, akauntabiliti pelajar dan penambahbaikan dalam pendidikan. Berikut adalah penerangan secara ringkas bagi setiap subkonstruk dalam konsepsi pentaksiran:

ix) Akauntabiliti sekolah

Hasil pentaksiran dapat digunakan untuk menunjukkan kepada umum tentang kualiti sesebuah sekolah (Mehrens & Lehman, 1984; Butterfield et al., 1999; Smith et al., 1999) dan akan memberi impak kepada sekolah sama ada hasil pentaksiran mencapai standard yang ditetapkan ataupun sebaliknya (Firestone et al., 1998; Guthrie, 2002).

x) Akauntabiliti pelajar

Tujuan pentaksiran untuk akauntabiliti pelajar adalah lebih diberi tumpuan terhadap pencapaian murid, sama ada murid mencapai semua objektif pembelajaran yang telah ditetapkan, mengenalpasti prestasi murid mengikut kriteria yang diberikan, dan menempatkan murid mengikut kumpulan di dalam kelas berdasarkan prestasi.

xi) Penambahbaikan pendidikan

Pentaksiran dapat meningkatkan pembelajaran murid dan kualiti pengajaran guru (Crooks, 1988; Black & William, 1998). Dalam usaha penambahbaikan pendidikan, hasil pentaksiran mestilah dapat menggambarkan prestasi murid yang sebenar dan maklumat terhadap prestasi murid mestilah sah, boleh dipercayai, dan tepat.

xii) Personaliti

Secara umumnya, personaliti merujuk kepada keperibadian, perwatakan, karenah dan sifat yang menggambarkan seseorang individu. Dalam kajian ini, personaliti guru yang



ingin dikaji adalah dari aspek positif yang merujuk kepada teori *Big Five Inventory* oleh John (1999). Terdapat lima dimensi utama dalam teori Personaliti *Big Five* iaitu keterbukaan, kesedaran, ekstrasversi, kepersetujuan dan kestabilan emosi. Namun hanya dimensi kesedaran dan ekstrasversi akan digunakan sebagai alat ukur dalam kajian ini. Berikut adalah penerangan secara ringkas bagi setiap subkonstruk dalam personaliti:

xiii) Kesedaran

Merupakan dimensi yang menumpukan kepada nilai kesedaran yang tinggi pada diri seseorang. Ciri-ciri golongan adalah merupakan seorang yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas, seorang yang cermat, melakukan tugas dengan sistematik, boleh diharap, seorang yang jujur, seorang yang boleh mengikut peraturan, menepati masa serta seorang yang bercita tinggi (Barrick & Mount, 1991; Costa & McCrae, 1992).

xiv) Ekstrasversi

Golongan yang berada dalam kumpulan ini kebiasaan pandai bersosial, bertenaga dan bersikap positif. Mereka digambarkan sebagai seorang yang tegas dalam tindakannya, seorang yang boleh bersosial serta pandai bergaul, peramah dan baik hati (Costa & McCrae, 1992).

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, dalam bab satu memberi gambaran awal serta kefahaman terhadap fokus kajian iaitu terhadap amalan pentaksiran, konsepsi pentaksiran dan personaliti. Ia juga berperanan sebagai pra kajian yang mendasari dan memandu kajian



ini dengan membincangkan tentang segala maklumat berkaitan pernyataan masalah, objektif, persoalan dan hipotesis kajian. Selain itu keterangan tentang penggunaan kerangka konseptual yang diadaptasi dari Teori kognitif Sosial Bandura (1986) dan model iceberg dijadikan sebagai panduan asas kepada penyelidik dalam menjalankan kajian ini.

